

## Penuntut UTHM dapat pengiktirafan



Zulfadhli (kanan) menerima hadiah daripada penganjur Innovate Malaysia Design Competition (IMDC 2014) yang berlangsung di Pulau Pinang.

< 1 / 1 >

BATU PAHAT - Kajian seorang penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkaitan dengan penyakit jaundis atau lebih dikenali sebagai demam kuning mendapat pengiktirafan.

Pengiktirafan diperoleh dalam Innovate Malaysia Design Competition (IMDC 2014) selepas berjaya meraih tempat kedua daripada 35 penyertaan di pusingan akhir pertandingan berkenaan.

Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, projek itu merupakan domain kajian dalam sarjana muda (PSM) di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) universiti berkenaan.

Menurutnya, penuntut berkenaan merupakan Zulfadhli Osman yang juga pelajar tahun akhir FKEE dan kajian dilakukan di bawah seliaan pensyarahnya, Dr Afandi Ahmad.

"Kajian yang dilakukan ini turut mendapat kerjasama daripada pakar kanak-kanak di Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) iaitu Dr Azizan Aziz dalam menjalankan kajian

### Penuntut UTHM dapat pengiktirafan - Johor - Sinar Harian

membabitkan hampir 65 peratus bayi di seluruh negara yang mengalami penyakit itu.

"Mengenai kajian itu, Zulfadhli berazam untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui kaedah kuantifikasi bilirubin iaitu teknik pengesanan penyakit jaundis yang tidak menyakitkan dan mesra bayi.

"Ini kerana teknik kuantifikasi dan pengesanan sedia ada terhadap penyakit ini adalah bersifat invasif iaitu menyakitkan dan tidak mesra bayi," katanya

IMDC merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh DreamCatcher dan terbuka kepada projek tahun akhir di institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara dengan penilaian dilakukan oleh pihak industri.

Mohd Noh berkata, kejayaan meraih tempat kedua juga membolehkan penuntut berkenaan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 dan perisian MATLAB & Simulink Student Edition bagi kategori trek MathWorks.

Katanya, pencapaian itu merupakan satu galakan kepada penuntut lain untuk berjaya dalam setiap kajian yang dilakukan selain dapat mengharumkan nama UTHM sendiri.

"Saya berharap setiap penuntut di universiti ini mempunyai azam sepertinya dan dapat menjadikan diri masing-masing disegani oleh penuntut dari universiti yang lain terutamanya di negara ini.

"Kejayaan ini secara tidak langsung menunjukkan kualiti PSM yang dijalankan di FKEE adalah diiktiraf dan cemerlang serta perlu menjadi inspirasi kepada penuntut yang bakal menjalankan PSM untuk menghasilkan kualiti projek yang membanggakan," katanya.